



Received: 2019-10-22

Accepted: 2019-08-01

Published: 2019-12-20

Original Article

## Konsep dan Pendekatan Wasatiyah dalam Pengeluaran Fatwa: Satu Kajian Awal

### *The Concept and Approach of Wasatiyyah in Issuing Fatwa: A Preliminary Study*

Muhammad Ikhlas Rosele<sup>a\*</sup> & Noor Naemah Abdul Rahman<sup>a</sup>

<sup>a</sup> Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia

\* Corresponding author, email; ikhlas@um.edu.my

#### ABSTRACT

Fatwa is one of the important instruments and tools in Islamic law. This is due to fatwa are decided for the individual and the community based on some circumstances and the reality of their environment. But excessive openness and closeness in issuing a fatwa causes problems to the community system in the form of thoughts, affairs and interactions. Therefore, the study aimed to identify the wasatiyyah approach in issuing fatwa in Malaysia with highlighting some of the selected fatwa in Malaysia. The study will be conducted using a qualitative approach in which library data is used in full. It is then analyzed inductively and deductively. Studies have identified several elements in the wasatiyyah approach to issuing fatwa and it is found that the fatwa body in Malaysia considers this approach in solving current issues.

**Keywords:** Fatwa, Islamic Law, Wasatiyyah, Malaysia.

#### ABSTRAK

Fatwa adalah salah satu instrumen hukum Islam yang penting. Hal ini kerana keputusan fatwa yang diputuskan untuk individu dan masyarakat tertentu adalah berasaskan keadaan dan realiti lingkungan. Namun sikap keterbukaan yang berlebihan dan ketertutupan dalam mengeluarkan fatwa menyebabkan sistem masyarakat mempunyai masalah sama ada berbentuk pemikiran, urusan kehidupan dan interaksi. Justeru itu kajian bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan wasatiyyah dalam mengeluarkan fatwa di Malaysia dan melakukan sorotan terhadap beberapa fatwa terpilih di Malaysia. Kajian akan dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif di mana data-data perpustakaan digunakan sepenuhnya. Kemudian dianalisis secara induktif dan deduktif. Kajian mengemukakan beberapa elemen dalam pendekatan wasatiyyah untuk mengeluarkan fatwa dan didapati badan fatwa di Malaysia mengambilkira pendekatan ini dalam menyelesaikan isu semasa.

**Kata kunci:** Fatwa, Hukum Islam, Wasatiyyah, Malaysia

## Pengenalan

Fatwa merupakan elemen penting dalam hukum Islam bahkan ia menjadi satu aspek untuk mengatur kehidupan masyarakat selari dengan kehendak syarak. Ia menjadi medium untuk masyarakat awam mendapatkan penjelasan tentang kedudukan setiap perbuatan yang mereka laksanakan. Dari sisi yang lain, untuk mengatur hidup sesuatu masyarakat, sistem perundangan akan dibentuk, justeru fatwa menjadi satu sumber penting dalam merangka perundangan yang berlandaskan syarak.

Namun begitu, perlu difahami bahawa aktiviti fatwa tidaklah boleh dilakukan secara bebas, beberapa prinsip, syarat dan peraturan mesti dipatuhi. Tidak boleh wujud satu sikap ghairah dalam berfatwa ataupun mengambil sikap selamat dengan berdiam diri tanpa berfatwa. Kerana itu elemen manhaj, sifat mufti dan mustafti, syarat dan kesederhanaan dalam berfatwa menjadi titik perbincangan yang penting. Menyentuh aspek kesederhanaan atau wasatiyyah menarik dikemukakan pandangan al-Qaradawi dalam menjelaskan manhaj yang perlu diikuti dalam fatwa sebagaimana berikut<sup>1</sup>;

“Sentiasa melazimi semangat kesederhanaan, dan seimbang antara yang melampau dan yang meringankan. Di antara yang mahu melepaskan (membebaskan) dari hukum-hukum yang thabit atas dakwaan memudahkan (*muyasarah*) yang menjadikan sebagai hamba kepada setiap yang baru, dan di antara yang sentiasa mahi membayangi setiap fatwa, pandangan dan penjelasan kepada apa yang telah berlaku kerana menyucikan setiap pandangan yang lama”

Justeru artikel ini bertujuan untuk menjelaskan pendekatan wasatiyyah ini dalam mengeluarkan fatwa. Kajian juga akan menjelaskan dua contoh fatwa di Malaysia yang cuba menerapkan pendekatan ini. Untuk mencapai perkara tersebut, kajian dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan data-data perpustakaan sepenuhnya. Analisis secara induktif dan deduktif akan digunakan untuk memperoleh hasil kajian bagi artikel ini.

## Konsep dan Pendekatan Wasatiyyah

Perkataan wasatiyyah ini adalah berasal daripada Bahasa Arab iaitu wa-sa-ta yang membawa maksud tengah. Perkara ini dijelaskan oleh Ibn Manzur bahawa wa-sa-ta ini adalah satu kedudukan di antara dua hujung<sup>2</sup>. Akan tetapi dalam konteks wasatiyyah perkataan tersebut digunakan sebagai sifat, oleh itu ia membawa maksud baik atau terbaik. Justeru maksud inilah disokong berasaskan Sabda Rasulullah SAW:

Yang bermaksud; “Sebaik-baik perkara itu yang ditengah-tengahnya”

Lantaran itu, dapat difahami penggunaan wasatiyyah ini tidak semesti bermaksud di tengah-tengah, ia membawa maksud lebih daripada itu iaitu kedudukan yang terbaik. Ia menjadi terbaik dan menjadi sesuatu yang penting, sebagaimana boleh difahami dengan makna paksi, teras, tunjang, inti dan sebagainya<sup>3</sup>. Sebagai gambaran, tiang seri adalah asas kepada rumah

<sup>1</sup> Yusuf al-Qaradawi, *al-Fatwa Bayna al-Indibat wa al-Tasayyub* (al-Qahirah: Dar al-Sahwah, 1988), 124.

<sup>2</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (Kaheerah : Dar al-Ma'arif, t.t.), 53: 4831.

<sup>3</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid, “Pendekatan Wasatiyyah: Satu Pengamatan dari Perspektif Masyarakat Islam Semasa,” dalam *Proceedings of International Conference on Wasatiyyah in the Qur'an and*

tradisional Melayu, ia menjadi asas penting dalam kedudukan dan kestabilan struktur rumah, dan kedudukannya yang terbaik adalah di tengah-tengah struktur rumah.

Manakala, kata lawan bagi wasatiyyah ini adalah ha-ru-fa yang bermaksud kedudukan di tepi-tepi atau pinggiran. Dapat difahami kedudukannya itu dilihat sebagai tidak bernilai dan tidak berpengaruh besar. Ia sesuai apabila peribahasa Melayu menggambarkan “melukut di tepi gantang” sebagai sesuatu yang tiada pengaruh, masuk tidak menambah keluar pun tidak mengurang<sup>4</sup>.

Dari sudut istilah al-Qaradawi menjelaskan sebagai pertengahan atau keseimbangan antara dua pihak yang bercanggah dan berlawanan, di mana tidak ada pihak yang akan bersendirian memberi kesan dan menyingkirkan pihak lawannya, dan tidak ada pihak yang mengambil lebih daripada hak sepatutnya sehingga menafikan hak lawannya<sup>5</sup>. Selain itu, al-Ghafili menjelaskan al-wasatiyyah sebagai keadilan, kebaikan dan pertengahan antara ifrat dan tafrit. Justeru dari perspektif syarak al-wasatiyyah adalah sesuatu yang seimbang antara dua perkara dan dua pihak, iaitu ifrat dan tafrit, ghuluw (melampau) dan cuai<sup>6</sup>. Wasatiyyah ini membawa semangat keadilan, jalan pertengahan yang mengumpulkan nilai yang utama.

Berdasarkan ini metode penilaian berasaskan pendekatan *wasatiyyah* adalah kembali kepada konsep *wasatiyyah* itu sendiri. *Wasatiyyah* adalah asas kepada umumnya syariah dan segala cabangnya sama ada dalam aqidah, usul, *furu'*, *qawaid fiqhiyyah* dan sistem perekonomian<sup>7</sup>. Ini bermakna asas kepada syariah, prinsipnya, kaedah penetapan hukum dan selainnya menepati prinsip *wasatiyyah*. Lantaran itu metode penilaian berasaskan pendekatan *wasatiyyah* yang dimaksudkan adalah seperti berikut<sup>8</sup>:

- 1- Memahami sesuatu isu berpandukan al-Quran dan hadis secara tekstualis dan kontekstualis, mengenalpasti kefahaman sebenar nas melalui *asbab al-nuzul* atau *asbab al-wurud*.
- 2- Menggunakan metodologi penetapan hukum yang muktabar seperti; al-Quran, hadis, ijma' qiyas dan selainnya.
- 3- Meraikan prinsip-prinsip syariah seperti; memudahkan, mengelak kesukaran dan adil.
- 4- Meraikan *maqasid al-syari'ah*.
- 5- Mengaplikasikan kaedah fiqh dengan cara yang benar.
- 6- Menyesuaikan sesuatu hukum yang bersifat *ijtihadiyyah* dengan zaman sekarang.

---

Sunnah and Its Contemporary Applications in Kingdom of Saudi Arabia and Malaysia (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan Hadith, APIUM, 2013), 183-187.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Kalimat fi al-Wasatiyyah wa Mu'alimuha* (Al-Qahirah: Dar al-Syuruq, 2011), 13.

<sup>6</sup> 'Abd Allah Sulayman al-Ghafili, "Wastiyyah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah fi Bab al-Qadr," *Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah*, 76 (1429H).

<sup>7</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah* (Putrajaya: JAKIM, 1435H), 17.

<sup>8</sup> Beberapa pendekatan ini digunakan al-Qaradawi dalam kitabnya *Fiqh al-Zakat* atau dalam mengeluarkan hukum dan fatwa, lihat; al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*, 384-389; Yusuf al-Qaradawi, *Min Hadyi al-Islam : Fatawa Mu'asirah* (Kuwait : Dar al-Qalam, 2009), 1: 10-32.

## Konsep Fatwa

Fatwa berasal dari kata asal *al-fata* (الفتا). Daripada perkataan *fata* itulah wujudnya kata kerja *afta* (افتا) yang bermaksud menjelaskan, dan daripada perkataan *afta* itu munculnya kata nama *al-fatwa* (الفتوى) ataupun boleh disebut dengan *al-futya* (الفتيا) dan *al-futwa* (الفتوى)<sup>9</sup>. Fatwa merupakan kata tunggal (*mufrad*) dan kata plural (*jamak*) baginya adalah *fatawa* dan *fatawin*<sup>10</sup>.

Menurut Ibn Manzur maksud *al-fatwa* adalah apa yang dijelaskan oleh orang yang faqih<sup>11</sup>. Manakala menurut *Mu'jam al-Lughat al-'Arabiyah al-Mu'asirah* maksud al-fatwa dari segi bahasa adalah jawapan terhadap sebarang kemusykilan daripada persoalan-persoalan hukum syara' dan perundangan<sup>12</sup>.

Fatwa mempunyai perkaitan makna dengan al-fata yang membawa maksud pemuda yang kuat dan sihat dan berusia muda. Perkaitannya adalah apabila seseorang mufti memberi fatwa kepada perkara yang menjadi kesamaran, fatwa tersebut menjadikan hukum perkara tersebut kuat dan kukuh serta memperbaharui hukum sesuatu perkara<sup>13</sup>.

Dari sudut istilah fatwa atau pempfatwaan (*al-ifta'*) adalah mengkhabarkan hukum Syarak daripada dalil untuk orang yang bertanya berkenaannya tanpa mengikat (*ilzam*). Maksud tanpa mengikat adalah untuk membezakan fatwa dengan tahkim dan qada' yang sudah tentu mengikat orang yang bertanya atau terlibat untuk melaksanakan keputusan tersebut<sup>14</sup>.

Dalam pengertian lain fatwa bermaksud : Nas jawapan mufti atau hukum syara' yang dikhabarkan oleh mufti dengan fatwanya ataupun ianya bermakna suatu pengkhabarkan hukum Allah tanpa adanya soalan atau permintaan fatwa maka dalam hal ini ia menjadi saranan atau panduan bukannya fatwa<sup>15</sup>. Al-Mallah pula mendefinisikan fatwa sebagai suatu proses atau tindakan mufti yang mujtahid untuk memberikan jawapan syarak<sup>16</sup>.

Kesimpulannya maksud fatwa adalah hukum syara' yang dijelaskan dan dinyatakan oleh mufti yang merupakan seorang yang faqih dan mahir dalam mengetahui hukum yang berlaku beserta dalil-dalil syara' kepada orang yang bertanyakan fatwa dalam mencari jawapan untuk perkara yang menjadi kemusykilan baginya daripada hukum-hukum syara'<sup>17</sup>.

---

<sup>9</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, 37: 3347-3348.

<sup>10</sup> Majma' al-Lughat al-'Arabiyah, *Al-Mu'jam al-Wajiz* (Mesir: Wizarah al-Tarbiyah wa al-Ta'lim, 1991), 476.

<sup>11</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, 3348.

<sup>12</sup> Ahmad Mokhtar 'Umar, *Mu'jam al-Lughat al-'Arabiyah al-Mu'asirah* (Kaherah : 'Alim al-Kutub, 2008), 3: 1672.

<sup>13</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri, "Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Dalam Mengeluarkan Fatwa," Dlm *Monograf al-Ifta' (Siri 2)*, ed. Wan Morsita (Selangor: JAKIM, 2011), 57.

<sup>14</sup> Muhammad Yusri Ibrahim, *al-Fatwa; Ahammiyatuha, Dawabituha, Atharuha* (al-Qahirah: Dar al-Yusr, 2007); 30-31.

<sup>15</sup> 'Amir Sa'id al-Zaibari, *Mabahith fi Ahkam al-Fatwa* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 1995), 32.

<sup>16</sup> Hussayn Muhammad al-Mallah, *al-Fatwa: Nasyatuha wa Tatawwuruha, Usuluha wa Tatbiqatuha* (Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyyah, 2009), 638.

<sup>17</sup> Hussain Muhammad al-Mallah, *Al-Fatwa: Nasy'atuha wa tatawwuruha, Usuluha wa Tatbiqatuha* (Bayrut: Maktabah al-'Ashriyyah, 2006), 1: 398.

Manakala orang yang mengeluarkan fatwa adalah mufti. Dari segi istilah mufti mempunyai banyak maksud, antaranya adalah orang yang faqih<sup>18</sup> ataupun mujtahid<sup>19</sup>, takrif tersebut adalah menurut ulama usul. Takrif lain mufti adalah orang yang mengkhabarkan hukum Allah s.w.t kepada orang yang mahu mengetahuinya beserta dalil<sup>20</sup>. Manakala orang yang memohon atau meminta fatwa disebut sebagai mustafti atau dari segi istilahnya adalah orang yang bertanyakan soalan tentang hukum syara' pada masalah tertentu, iaitu orang yang tidak mampu untuk mengetahui hukum syara' daripada dalilnya<sup>21</sup>.

### Standard Wasatiyyah dalam Pengeluaran Fatwa

Ibn Bayyah<sup>22</sup> menjelaskan bahawa terdapat empat standard wasatiyyah dalam berfatwa seperti berikut;

- 1- Berubahnya fatwa dengan perubahan zaman: Perubahan fatwa ini sememangnya dapat dikenalpasti dalam hukum Islam. Seperti mana saidina Umar al-Khattab menahan pemberian zakat kepada golongan muallaf dan tidak menjalankan hukuman buang daerah kepada pezina kerana mengambil kira factor zaman. Namun, perlu difahami tidak semua fatwa dan hukum akan berubah kerana perubahan zaman ini. Hanya hukum-hukum yang disandarkan kepada uruf dan budaya akan terkesan dengan perubahan tersebut. Selain itu, pelaksanaan kepada hukum juga adalah sesuatu yang dilihat fleksible, kerana itu Ibn Bayyah menyebut perlu difahami bahawa agama ini menjaga kehidupan, ia sesuatu yang tetap dari aspek sumber namun pelaksanaannya adalah boleh berubah-ubah.
- 2- Kaedah uruf. Ibn Bayyah menggariskan kaedah uruf sebagai satu elemen penting dalam fatwa. Salah satu elemen penting dalam melakukan ijtihad juga adalah mengenal pasti adat masyarakat. Ibn Abidin menyatakan; "tidaklah bagi mufti dan qadi untuk menetapkan hukum dengan zahir riwayat dan meninggalkan uruf." Kerana uruf ini adalah refleksi kepada masyarakat dan boleh menjadi kayu ukur kepada kemaslahatan dan mafsadah dalam kehidupan. Justeru itu meraikan uruf ini adalah sesuatu yang penting, kerana itu wujud beberapa kaedah yang menekankan aspek adat dan uruf ini.
- 3- Pertimbangan terhadap *al-Maalat*. Dalam memutuskan sesuatu fatwa, mufti perlu mengambilkira implikasi apabila fatwa tersebut telah diputuskan. Perkara ini sebenarnya jelas dalam hukum Islam seperti larangan mencela tuhan-tuhan orang kafir kerana implikasinya mereka akan mencela Allah tuhan semesta alam. Rasulullah tidak memerangi orang munafik kerana implikasinya masyarakat akan menyatakan bahawa Rasulullah telah membunuh sahabatnya. Prinsip-prinsip Syariah lain juga mendokong kepada pertimbangan ini seperti sadd al-dhari'ah, mengelakkan masyaaqah,

---

<sup>18</sup> Muhammad bin Bahadur al-Zarkasyi, *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh* (al-Ghardaqah: Dar al-Safwah, 1992), 6: 305.

<sup>19</sup> Muhammad bin 'Ali al-Syaukani, *Irsyad al-Fukhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilm al-Usul* (Damsyiq: Dar Ibn Kathir, 2003), 861.

<sup>20</sup> 'Ali bin 'Abbas al-Hakami, *Usul al-Fatwa wa Tatbiq al-Ahkam al-Syar'iyah fi Bilad Ghair al-Muslimin* (Beirut: Muasasah al-Rayyan, 1999), 22.

<sup>21</sup> Muhammad Yusri Ibrahim, *Al-Fatwa; Ahammiatuha, Dawabituha, Atharuha* (Madinah: Jaizah Naif bin 'Abdul 'Aziz al-Sa'ud, 2007), 37.

<sup>22</sup> 'Abd Allah ibn al-Syaykh al-Mahfuz ibn Bayyah, "al-Ma'ayir al-Wasatiyyah fi al-Fatwa" diakses dari <http://binbayyah.net/arabic/archives/164> pada 22 Oktober 2019.

mengangkat kesempitan (al-haraj). Sebenarnya prinsip dan kaedah yang telah diwujudkan dalam pembendaharaan usul fiqh telah menjadi kerangka kasar dalam menjamin al-maalat yang menepati maqasid syarak dan mengangkat masalah serta menolak mafsadah.

- 4- *Tahqiq al-Manat fi al-Asykhah wa al-Anwa'*. Tahqiq al-Manat adalah memastikan illah atau kausa hukum itu benar-benar ada pada hukum yang baru (al-far'). Justeru, sesuatu perletakan hukum hendaklah tepat pada individu atau subjek hukum sesuai dengan illah yang wujud padanya. Bermakna sesuatu hukum itu tidak diletakkan secara pukol rata, boleh jadi ia harus bagi seseorang dan tidak pada orang yang lain atau boleh jadi sesuatu perbuatan itu mendatangkan masalah pada keadaan tertentu namun mendatangkan mudarat pada keadaan yang lain.

Sajidah Taha juga menyenaraikan standard wasatiyyah dalam berfatwa yang tidak jauh bezanya berbanding pandangan Ibn Bayyah. Standard yang dikemukakan oleh beliau adalah<sup>23</sup>; (1) meraikan maqasid al-syariah dalam berfatwa; (2) beramal dengan rukhsah sesuai dengan tempatnya; (3) mengetahui kesan implikasi (al-maalat) terhadap fatwa yang diputuskan; (4) mempertimbangkan keadaan pihak yang meminta fatwa; (5) mengambil kira perubahan zaman dan tempat ketika hendak mengeluarkan fatwa.

### **Sorotan Elemen Wasatiyyah dalam Fatwa di Malaysia**

Kajian ini akan mengemukakan dua keputusan fatwa di Malaysia kemudian mengemukakan aspek wasatiyyah yang ditonjolkan dalam fatwa tersebut.

#### **Fatwa Pertama<sup>24</sup>:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober 2014 telah membincangkan Hukum Pendermaan Rahim. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

“Setelah mendengar pembentangan dan meneliti laporan penyelidikan yang telah disediakan oleh Kumpulan Penyelidik daripada Universiti Malaya (UM) dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan. Berdasarkan dapatan penyelidikan tersebut, Muzakarah mendapati bahawa:

- i. Hukum asal pendermaan dan pemindahan rahim adalah haram dan tujuan untuk mendapatkan zuriat hanyalah bersifat *takmiliiyyah* iaitu sebagai pelengkap kehidupan berkeluarga.
- ii. Keperluan mendapatkan zuriat melalui pendermaan dan pemindahan rahim di Malaysia belum berada pada tahap darurat.

<sup>23</sup> Sajidah Taha M., “Al-Wasatiyyah fi al-Fatwa wa Atharuha fi Tahqiq al-Amn,” Kertas kerja al-Mu’tamar al-Duali Dawr al-Islam fi Tahqiq al-Amn wa al-Salam al-‘Alami, Bangladesh, 27 Disember 2017.

<sup>24</sup> JAKIM, “Hukum Pendermaan Rahim,” diakses dari <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10318> pada 22 Oktober 2019.

- iii. Keperluan mendapatkan zuriat melalui pembedahan dan pemindahan rahim bagi wanita yang mempunyai rahim yang bermasalah atau tidak mempunyai rahim hanya sekadar berada pada tahap tahsiniyyat.

Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum pendermaan dan pemindahan rahim adalah **tidak harus kerana keperluannya belum mencapai tahap dharurah** yang boleh membenarkan sesuatu perkara yang diharamkan.”

Fatwa tersebut menggunakan pendekatan wasatiyyah untuk meneliti kedudukan hukum pendermaan rahim di Malaysia. Pendermaan rahim dilihat merupakan satu keperluan bagi masyarakat untuk mendapatkan zuriat. Namun hukum tidak boleh diputuskan dengan sekadar melihat keperluan untuk mendapatkan zuriat tersebut, ia perlu meliputi pertimbangan nas, maqasid dan tahap keperluan tersebut. Setelah kesemua pertimbangan diperolehi mendapati tahap keperluan tersebut tidak berada pada tahap keperluan mendesak (*darurah*)<sup>25</sup> bahkan masih terdapat alternatif lain yang boleh diusahakan terlebih dahulu.

#### **Fatwa kedua**<sup>26</sup>;

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2 Tahun 2017 telah bersidang pada 23-24 Mei 2017 / 26-27 Syaaban 1438H, bertempat di Bilik Seri Beringgis, TH Hotel & Residence, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “**Penamaan Makanan Dan Minuman: Status Halal Dan Isunya.**” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

“Tidak boleh menamakan sesuatu makanan dan minuman yang halal dengan sesuatu yang haram.

Tidak boleh menamakan sesuatu makanan dan minuman yang haram dengan sesuatu yang halal.

Hendaklah kita menjauhkan dari sebarang unsur *tashabbuh* (penyerupaan) dalam penamaan makanan dan minuman kerana ia membawa kekeliruan kepada masyarakat awam.”

Fatwa ini juga jelas cuba menerapkan elemen yang sama, walaupun difahami, menamakan sesuatu makanan tidak memberi kesan kepada status halal makanan tersebut berasaskan kaedah (العِزَّةُ بِالْحَقَائِقِ وَالْمَعَالِي لَا بِالْأَلْفَاظِ وَالْمَبَانِي) yang bermaksud “Yang diambil kira adalah pada hakikat dan maknanya dan tidaklah pada lafaznya dan juga binaan luarannya”<sup>27</sup>. Namun tindakan menamakan dan status makanan perlu dibezakan. Menamakan makanan haram dengan sesuatu yang halal ataupun sebaliknya akan meyebabkan kekeliruan, pada akhirnya umat Islam akan memakan sesuatu yang haram tanpa diketahui dan tidak dapat membezakan status halal dan haram sesuatu makanan. Perkara ini menepati kaedah usul sadd al-dharai’ iaitu menutup pintu yang boleh membawa kerosakan. Selain itu ia adalah untuk mengelakkan elemen tasyabbuh

<sup>25</sup> Kerana keadaan darurah boleh mengharuskan sesuatu yang haram, rujuk; Salih Ghanim al-Sadlan, *al-Qawaid al-Fiqhiyyah al-Kubra* (al-Riyadh: Dar Belensiah, 1417H), 281.

<sup>26</sup> JAKIM, “Penamaan Makanan Dan Minuman : Status Halal Dan Isunya,” diakses dari <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15448> pada 22 Oktober 2019.

<sup>27</sup> Muhammad ibn Husayn al-Jizani, *Ma’alim Usul al-Fiqh ‘Inda Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* (al-Dammam: Dar Ibn al-Jawzi, 1996), 373.

iaitu penyerupaan yang dilarang di samping itu terdapat tuntutan untuk mengubah nama yang buruk kepada nama yang lebih baik. Antaranya adalah hadis Nabi SAW;

أَنَّ ابْنَةَ لِعَمْرٍ كَانَتْ يُقَالُ لَهَا عَاصِيَةٌ فَسَمَّاهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَمِيلَةَ

Maksudnya: *Sesungguhnya seorang anak perempuan Umar dahulunya dinamakan sebagai 'Aasiyah lalu Rasulullah S.A.W menamakannya sebagai Jamilah.*

(Hadis riwayat Muslim; 2139)

## Kesimpulan

Pendekatan wasatiyyah sewajarnya sentiasa diterapkan oleh para ilmuan khususnya para mufti. Hal ini demi memelihara kemaslahatan, menolak kemudaratan, mengangkat kesukaran dan menyediakan kemudahan. Islam sebagai agama rahmah pastinya telah menyediakan medium yang saksama, adil dan terbaik dalam menyusun atur kehidupan Manusia. Tinggal lagi pakar hukum dan mufti sentiasa perlu menerapkan elemen wasatiyyah dalam berfatwa. Kajian ini adalah pada peringkat awal, justeru itu kajian-kajian lanjutan masih perlu dilakukan seperti membangun model wasatiyyah dalam fatwa atau menganalisis aplikasi wasatiyyah dalam fatwa-fatwa yang telah diputuskan di Malaysia.

## Rujukan

- 'Abd Allah ibn al-Syaykh al-Mahfuz ibn Bayyah. "al-Ma'ayir al-Wasatiyyah fi al-Fatwa." Diakses dari <http://binbayyah.net/arabic/archives/164> pada 22 Oktober 2019.
- 'Abd Allah Sulayman al-Ghafili. "Wastiyyah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah fi Bab al-Qadr." *Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah*, 76 (1429H).
- 'Ali bin 'Abbas al-Hakami. *Usul al-Fatwa wa Tatbiq al-Ahkam al-Syar'iyah fi Bilad Ghair al-Muslimin*. Beirut: Muasasah al-Rayyan, 1999.
- 'Amir Sa'id al-Zaibari. *Mabahith fi Ahkam al-Fatwa*. Beirut: Dar Ibn Hazm, 1995.
- Ahmad Mokhtar 'Umar. *Mu'jam al-Lughat al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Kaherah : 'Alim al-Kutub, 2008.
- Hussayn Muhammad al-Mallah. *Al-Fatwa: Nasyatuha wa Tatawwuruha, Usuluha wa Tatbiqatuha*. Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyyah, 2009.
- Ibn Manzur. *Lisan al-'Arab*. Kaherah : Dar al-Ma'arif, t.t.
- JAKIM. "Hukum Pendermaan Rahim." Diakses dari <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10318> pada 22 Oktober 2019.
- JAKIM. "Penamaan Makanan Dan Minuman : Status Halal Dan Isunya." Diakses dari <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15448> pada 22 Oktober 2019.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. "Pendekatan Wasatiyyah: Satu Pengamatan dari Perspektif Masyarakat Islam Semasa." Dalam *Proceedings of International Conference on*



*Wasatiyyah in the Qur'an and Sunnah and Its Contemporary Applications in Kingdom of Saudi Arabia and Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan Hadith, APIUM, 2013.

- Majma' al-Lughat al-'Arabiyah. *Al-Mu'jam al-Wajiz*. Mesir: Wizarah al-Tarbiyah wa al-Ta'lim, 1991.
- Muhammad bin 'Ali al-Syaukani. *Irsyad al-Fukhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilm al-Usul*. Damsyiq: Dar Ibn Kathir, 2003.
- Muhammad bin Bahadur al-Zarkasyi. *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Al-Ghardaqah: Dar al-Safwah, 1992.
- Muhammad ibn Husayn al-Jizani. *Ma'alim Usul al-Fiqh 'Inda Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Al-Dammam: Dar Ibn al-Jawzi, 1996.
- Muhammad Yusri Ibrahim. *Al-Fatwa; Ahammiatuha, Dawabituha, Atharuha*. Madinah: Jaizah Naif bin 'Abdul 'Aziz al-Sa'ud, 2007.
- Muhammad Yusri Ibrahim. *Al-Fatwa; Ahammiyatuhu, Dawabituhu, Atharuha*. Al-Qahirah: Dar al-Yusr, 2007.
- Sajidah Taha M. "Al-Wasatiyyah fi al-Fatwa wa Atharuha fi Tahqiq al-Amn." Kertas kerja al-Mu'tamar al-Duali Dawr al-Islam fi Tahqiq al-Amn wa al-Salam al-'Alami, Bangladesh, 27 Disember 2017.
- Salih Ghanim al-Sadlan. *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah al-Kubra*. Al-Riyadh: Dar Belensiah, 1417H.
- Yusuf al-Qaradawi. *Al-Fatwa Bayna al-Indibat wa al-Tasayyub*. Al-Qahirah: Dar al-Sahwah, 1988.
- Yusuf al-Qaradawi. *Kalimat fi al-Wasatiyyah wa Mu'alimuha*. Al-Qahirah: Dar al-Syuruq, 2011.
- Yusuf al-Qaradawi. *Min Hadyi al-Islam: Fatawa Mu'asirah*. Kuwait: Dar al-Qalam, 2009.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. "Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Dalam Mengeluarkan Fatwa." Dalam *Monograf al-Ifta' (Siri 2)*, ed. Wan Morsita. Selangor: JAKIM, 2011.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah*. Putrajaya: JAKIM, 1435H.